

**ANALISIS**

Oleh **ZULHILMI ZAINAL**

# Pengusaha *vape* makin 'kepanasan', tidak senang duduk?

**MELIHAT** perkembangan semasa, isu *vape* melibatkan pelajar sekolah yang dilaporkan *Mingguan Malaysia* sebelum ini sudah mula mendapat 'sentuhan' pelbagai pihak termasuk kerajaan, masyarakat malah ibu bapa sendiri.

Penjelasan demi penjelasan oleh individu yang mempunyai pertalian dengan pelajar termasuk daripada beberapa wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah jelas menghangatkan lagi keadaan bahkan turut menimbulkan rasa resah dalam kalangan pengusaha *vape*.

Maka, bermulalah episod

sanggah-menyanggah dan 'tepis-menepis' antara pemilik kedai *vape*, penghisap tegar dengan warga maya di media sosial dan di kedai-kedai kopi tidak kira masa.

Apa yang lebih menarik, perbuatan itu umpama menegakkan benang yang basah apabila ada dalam kalangan mereka mula mengimbuai kembali zaman kegemilangan membeli rokok berjenama yang dijual dengan harga 50 sen sebatang.

Mereka cuba mengaitkan lebih bahayanya rokok berbanding *vape*, ada yang mene-gaskan rokok elektronik itu

tidak mengandungi nikotin, malah lebih tidak masuk akal ada yang menuduh pendedahan berkenaan adalah untuk menjatuhkan industri *vape* semata-mata.

Panas tidak panas, itu merupakan sumber pendapatan mereka. Apabila ia sudah mula menarik perhatian dan menjadi buah mulut orang ramai, bila-bila masa sahaja perniagaan boleh 'bungkus' atau lingkup.

Namun, kerajaan tidaklah sekejap seperti yang disangkakan. Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Kepenggunaan (KPDNHEP) sudah pasti ada pendekatan serta jalan penyelesaian terbaik dalam isu ini.

Semalam, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad dilaporkan akan mengubal satu akta baharu bagi mengawal selia penggunaan tembakau, *vape*, rokok elektronik dan shisha.

Tidak terhenti di situ sahaja, KPDNHEP juga turut dipertanggungjawabkan melakukan pemantauan bagi produk tembakau yang mengandungi nikotin.

Bukankah ada yang kata se-

mua *vape* bebas nikotin dan halal? Orang yang tidak melakukan kesalahan tidak perlu cepat melenting, risau atau resah. Berpeganglah kepada prinsip berani kerana benar, takut kerana salah.

Cakna yang ditonjolkan Kementerian, masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta ibu bapa begitu bertepatan dengan peribahasa sebagai menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berselerak iaitu menyelesaikan sesuatu masalah harus dengan cara yang berhemah dan bijaksana.

HARI :  
TARIKH :  
MSURAT :  
ISNIN  
29/7/2019  
3